

22/08/1998

Jabatan bina bangunan sendiri

KANGAR, Jumaat - Kerajaan Persekutuan bercadang membina lebih banyak bangunan sendiri untuk kegunaan jabatan dan agensinya bagi mengurangkan kos menyewa di seluruh negara.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata tumpuan akan diberi di daerah dan kawasan yang kadar sewanya tinggi.

Ketika ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM19 juta setahun bagi menjelaskan sewa bangunan membabitkan keluasan 739,000 meter persegi yang diduduki jabatan dan agensinya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Bangunan Persekutuan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Bangunan sembilan tingkat yang dibina di kawasan seluas satu hektar itu dibeli daripada Kerajaan Perlis pada harga RM41.5 juta. Bangunan yang dibina pada 1994 dan siap tahun lalu itu, kini menempatkan 403 pegawai dan kakitangan 21 jabatan Persekutuan.

Sementara itu, Shahidan dalam ucapannya berkata, bangunan itu dibina oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) untuk dijadikan pejabat korporat agensi itu.

Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan jabatan Kerajaan Persekutuan yang terletak di merata tempat, kerajaan negeri berpendapat wajar pejabat itu ditempatkan di bawah satu bumbung bagi memudahkan orang ramai berurusan.

Kerana itu, kerajaan negeri mengusulkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih bangunan itu pada harga RM41.5 juta berbanding nilai sebenar iaitu RM45 juta.

"Kita tidak berkira sangat mengenai harga itu kerana lebih mengutamakan kesejahteraan rakyat dalam mendapatkan perkhidmatan lebih baik," katanya.

Menurutnya, sebagai negeri yang tidak mempunyai hasil tinggi Perlis bergantung kepada sokongan Kerajaan Pusat.

(END)